

23 OCT 1998

BELANJAWAN-REAKSI/I

FMM: BELANJAWAN 1999 AKAN RANGSANG PERTUMBUHAN

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) berkata Belanjawan 1999 serta strategi-strategi yang digariskan di dalamnya adalah perlu bagi memperkemaskan langkah-langkah dan program-program yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam beberapa bulan lalu.

Presidennya, Datuk Paul Low berkata pada satu sidang akhbar pasca-belanjawan hari ini bahawa strategi-strategi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merangsang pemulihan ekonomi meskipun memang terdapat beberapa galakan bagi sektor pengilangan.

Beliau juga menyambut baik cadangan bagi menubuhkan syarikat-syarikat perdagangan antarabangsa milik Malaysia, bertujuan menggalakkan penyertaan cergas syarikat-syarikat perniagaan Malaysia dalam pasaran antarabangsa.

Menurut beliau, FMM yakin pekilang-pekilang, khususnya industri kecil dan sederhana, akan beroleh manfaat daripada langkah ini.

Low juga berkata bahawa perkembangan syarikat-syarikat perniagaan antarabangsa akan mempercepatkan lagi pembabitan negara ini dalam kegiatan-kegiatan pemasaran dan pengedaran.

FMM juga menyambut baik cadangan memansuhkan duti eksais ke atas beberapa barangan elektrik, dan yakin ini akan menggalakkan lebih banyak penggunaan barangan buatan tempatan.

-- BERNAMA

LES KY MA